

## Hibah Sebagai Satu Instrumen Perancangan Harta Dalam Islam

Oleh: Nur Akmal Adnan

Pada masa kini, jelas terpampang di dada-dada akhbar mengenai isu harta orang Islam yang gagal ditadbir seterusnya menyumbang kepada statistik harta beku di Malaysia, yang majoriti rakyatnya adalah beragama Islam. Pada tahun 2006 sahaja, dianggarkan terdapat satu juta tuntutan harta pusaka orang Islam bernilai kira-kira RM38 billion harta beku.

Dilaporkan pada tahun 2016 berlakunya peningkatan pada angka ini yang menjadikan nilai semasa harta tidak ditadbir milik umat Islam di Malaysia berjumlah kira-kira RM60 billion. Berdasarkan rekod terkini, pada tahun 2020, harta tanah yang dikategorikan sebagai harta beku adalah sebanyak RM70 billion kerana gagal ditadbir oleh waris-waris si mati.

Terdapat pelbagai faktor mengapa harta umat Islam di negara ini tidak dapat diuruskan dengan baik. Antara faktor tersebut adalah kerana masalah kelewatan dalam membuat tuntutan. Sikap dan kejahilan waris dalam hukum-hakam agama, ketidakfahaman tentang harta dan pusaka, proses urusan tuntutan yang merumitkan serta peruntukan kos dan masa menyumbang kepada masalah ini.

Permasalahan harta beku ini bukan sahaja memberi impak kepada waris malah turut memberi kesan negatif kepada ekonomi. Mungkin sudah tiba masanya bagi kerajaan Malaysia melihat secara serius berkenaan isu ini dan mencadangkan satu jalan penyelesaian yang lebih menyeluruh. Antara salah satu cadangan penyelesaian kepada masalah harta beku ini adalah dengan mengarusperdanakan penggunaan Hibah.

### Hibah Sebagai Satu Penyelesaian Harta Beku

Menurut kamus dewan, hibah bermaksud pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan yang baik. Hibah merupakan satu pemberian dari seseorang ke-

*Hasil kajian ada menunjukkan konsep hibah dapat membantu mengurangkan masalah harta beku. Melalui hibah, harta tidak akan termasuk dalam harta pusaka pemberi sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Keadaan ini dapat mengelakkan kemungkinan harta menjadi beku akibat daripada kelemahan sistem pentadbiran harta dan kos pengurusan yang tinggi”.*



pada pihak lain yang dilakukan semasa hidup. Manakala, definisi hibah menurut syarak adalah satu keadaan akad oleh pemilik harta kepada seseorang tanpa mengharapkan balasan semasa hidupnya. Hibah merupakan pemberian daripada hak milik seseorang kepada orang lain secara rela hati tanpa mengharapkan balasan dan atas dasar kasih sayang.

Di Malaysia, hibah adalah undang-undang Islam yang tertakluk di bawah kuasa Mahkamah Syariah. Namun begitu, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Bidang kuasa Mahkamah Syariah termasuk dalam **Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlengkapan Persekutuan** yang menyatakan bahawa:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat...”*

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa hibah



adalah sebahagian daripada perkara negeri yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung terletak di bawah kuasa Mahkamah Syariah.

Selain itu, dalam perundangan Islam, hibah terbahagi kepada dua jenis, iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat atau dengan syarat. Hibah mutlak adalah hibah yang dibuat tanpa diikat dengan apa-apa syarat atau balasan manakala hibah bersyarat adalah sebaliknya. Para fuqaha berselisih pendapat mengenai penentuan syarat dalam hibah. Namun, meletakkan syarat yang tidak menafikan isi kandungan dan tujuan asal hibah adalah dibolehkan menurut sebahagian fuqaha.

Berdasarkan pemakaian hibah di Malaysia, penentuan syarat dalam hibah adalah sesuai demi menjaga maslahat pemberi hibah. Misalnya, pemberi hibah boleh meletakkan syarat balasan untuk menjaganya selagi pemberi hibah masih hidup. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya pengabaian terhadap ibu bapa se-

bagai pemberi hibah setelah anak mendapat harta hibah tersebut. Isu ini adalah tidak asing lagi dalam masyarakat, yang menyebabkan timbul kerisauan untuk bakal pemberi hibah. Di samping itu, penulis berpendapat bahawa hal ini juga menepati konsep maqasid Syariah, iaitu mengelakkan kerosakan adalah lebih utama daripada memperoleh kebaikan.

Pemberian hibah bersyarat juga tidak terkesan dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Meskipun secara syarak, hibah telah dianggap sempurna namun pemilik harta atau pemberi hibah masih menjadi pemilik sah (*legal owner*) kerana tiada berlaku proses pemindahan harta kepada waris-waris semasa pemilik harta masih hidup.

### Manfaat Hibah

Dalam pengurusan harta pusaka, terdapat pelbagai cara atau medium yang boleh digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia seperti wakaf, zakat, sedekah, faraid, hibah dan lain-lain.



**NUR AKMAL ADNAN**

 [akmaladnan@uitm.edu.my](mailto:akmaladnan@uitm.edu.my)

**PROFIL**

Akmal merupakan seorang pensyarah sambilan sepenuh masa di UiTM Kampus Seremban. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Utara Malaysia pada tahun 2017. Seterusnya, Akmal telah memulakan kerjaya sebagai peguam dari tahun 2018, sebelum melangkah masuk ke dunia akademik pada tahun 2020. Beliau berpengalaman dalam mengajar subjek Undang-Undang Perniagaan, Undang-Undang Syarikat dan Perkongsian serta Undang-Undang Pentadbiran untuk pelajar di peringkat Ijazah dan Diploma di UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Johor. Akmal kini sedang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di UiTM Shah Alam. Beliau juga akan menukar kerjaya baru sebaik Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi tidak lama lagi. Selamat maju jaya!



Tambahan pula, hibah turut memberi kelebihan bagi mereka yang hanya mempunyai anak perempuan sahaja. Ibu bapa yang berhasrat untuk memberikan harta dengan melihat kepada keperluan warisnya, dapat membuat demikian melalui hibah ini. Sebagai contoh, anak perempuannya telah menjaga mereka semasa usia tua dan ibu bapa boleh memilih untuk memberi hibah kepada anak tersebut.

Pada keseluruhannya, kesedaran daripada masyarakat mengenai perancangan harta masih pada tahap rendah. Hal ini kerana masyarakat di Malaysia kurang kefahaman mengenai instrumen yang boleh diaplikasikan untuk mengurus dan merancang harta. Dalam pengurusan harta pusaka, terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan termasuklah hibah. Melalui hibah, harta tidak akan termasuk dalam harta pusaka pemberi sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Malah, tiada had atau kadar jumlah hibah boleh diberikan kepada penerima hibah.

Selain daripada itu, konsep hibah dapat membantu menyelesaikan masalah pengagihan secara faraid memandangkan pelbagai isu timbul apabila harta pusaka tidak dibahagikan secara selayaknya akibat daripada kejahilan memahami konsep pelaksanaan faraid. Oleh itu, hibah merupakan alternatif kepada kaedah pembahagian harta dan tidak bermaksud menentang kaedah faraid yang telah disyariatkan dalam Islam. Bahkan, konsep hibah dapat membantu mengurangkan masalah harta bekunya seterusnya harta dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk membangunkan ekonomi negara dan umat Islam di Malaysia khususnya.

in. Hasil kajian ada menunjukkan konsep hibah dapat membantu mengurangkan masalah harta bekunya. Melalui hibah, harta tidak akan termasuk dalam harta pusaka pemberi sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Keadaan ini dapat mengelakkan kemungkinan harta menjadi bekunya akibat daripada kelemahan sistem pentadbiran harta dan kos pengurusan yang tinggi. Pemilik harta bukan sahaja boleh menghibahkan kepada waris terdekat, malah boleh menghibahkan kepada Baitulmal, NGO berdaftar dan lain-lain.

Selain itu, konsep hibah dapat membantu penyelesaian masalah pengagihan secara faraid. Islam amatlah menganjurkan agar urusan pengagihan harta diselesaikan tanpa bertangguh. Walau bagaimanapun, mengikut permerhatian, pengagihan harta melalui faraid tidak dapat diselesaikan dengan segera kerana sikap masyarakat Islam sendiri yang tidak mengambil berat akan kepentingan pengagihan dan pengurusan harta.

Tambah lagi, penyelesaian pengagihan harta semakin sukar apabila timbul isu berlaku ketidakadilan dalam pembahagian faraid kerana tidak memahami konsep faraid. Masyarakat perlu faham bahawa memilih konsep hibah bukanlah bermaksud menentang kaedah faraid yang telah disyariatkan dalam Islam. Namun, hibah adalah sebagai alternatif demi kemaslahatan masyarakat hari ini.

### Deklarasi Hibah/Kepentingan Dokumentasi

Apabila seseorang membuat keputusan untuk memberi hibah, maka seseorang itu hendaklah memastikan bahawa deklarasi hibah dibuat melalui dokumen hibah bagi mengelakkan hal-hal berbangkit di kemudian hari. Di samping manfaat daripada hibah sendiri, masyarakat perlu sedar kesan membuat deklarasi hibah, iaitu mereka akan kehilangan hak pemilikan secara serta-merta ketika perjanjian tersebut cukup rukun dan syaratnya.

Kehilangan hak pemilikan terhadap harta tersebut boleh menyebabkan isu-isu yang timbul selepas itu seperti anak tidak menjaga kebaikan ibu bapa, ibu bapa merayu kepada anak untuk menyara kehidupan mereka semasa tua, tuntutan waris lain terhadap harta yang dihiba-

kan serta kos penyelenggaraan proses dokument selepas hibah boleh berlaku. Oleh itu, penting untuk seseorang memastikan bahawa perkhidmatan hibah yang digunakan adalah sah. Pada era ini, pelbagai institusi menyediakan perkhidmatan untuk deklarasi hibah kepada masyarakat sama ada institusi kerajaan maupun swasta. Syarat-syarat tertentu akan dimasukkan di dalam dokumen bagi menjaga kemaslahatan pemberi dan penerima hibah.

Melalui perkhidmatan ini, dokumen hibah ini memainkan peranan penting dalam menentukan kesahihan hibah pada masa akan datang. Dalam dokumen tersebut, turut dinyatakan segala rukun dan syarat hibah, persetujuan, serta penerimaan oleh kedua-dua pemberi dan penerima hibah yang mana secara tidak langsung memudahkan proses pengesahan hibah di Mahkamah Syariah kelak.

### Kadar Hibah

Kadar atau had hibah yang dibenarkan adalah tidak terhad kepada nilai tertentu sebagaimana wasiat iaitu hanya tertakluk kepada 1/3 harta sahaja. Pemberi hibah tidak dihalang untuk memberikan harta miliknya sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada mereka yang dikehendaki.

Dalam konteks semasa, dapat dilihat bahawa hibah boleh menjadi alternatif prosedur pembahagian harta yang berkesan dan bersesuaian kepada masyarakat. Antara pihak yang boleh memanfaatkan instrumen ini ialah suami isteri yang memiliki rumah secara bersama, individu yang tidak berkahwin, pasangan yang mempunyai anak angkat, maupun pasangan suami isteri yang tiada anak.

